

**PENILAIAN GURU BAHASA MELAYU
TERHADAP INSTRUMEN
INVENTORI NILAI
MURNI**

 05-4506832  pustaka.upsi.edu.my  Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah  PustakaTBainun  ptbupsi

NOR HAFIZAH BINTI PUTEH @ SHAMSUDDIN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2020

PENILAIAN GURU BAHASA MELAYU TERHADAP INSTRUMEN
INVENTORI NILAI MURNI

NOR HAFIZAH BINTI PUTEH @ SHAMSUDDIN

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)

FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2020



Sila tanda (✓)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 10 (hari bulan) November (bulan) 2020

i. Perakuan pelajar:

Saya, NOR HAFIZAH BINTI PUTEH @ SHAMSUDDIN, M20141000137, FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk PENILAIAN GURU BAHASA MELAYU TERHADAP INSTRUMEN INVENTORI NILAI MURNI adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan se jelasnya dan secukupnya.

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, DR MOHD RASHID BIN HJ MOHD IDRIS dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk PENILAIAN GURU BAHASA MELAYU TERHADAP INSTRUMEN INVENTORI NILAI MURNI dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (BAHASA MELAYU).

7/3/2022

Tarikh

Tandatangan Penyelia


 INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
 INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES

 BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
 DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM

 Tajuk / Title: PENILAIAN GURU BAHASA MELAYU TERHADAP
INSTRUMEN INVENTORI NILAI MURNI

 No. Matrik / Matric's No.: M20141000137

 Saya / I: NOR HAFIZAH BINTI PUTEH @ SHAMSUDDIN

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Doktor Falsafah/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan sahaja.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of research only.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Perpustakaan tidak dibenarkan membuat penjualan salinan Tesis/Disertasi ini bagi kategori **TIDAK TERHAD**.
The Library are not allowed to make any profit for 'Open Access' Thesis/Dissertation.
5. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

☐ **SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐ **TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

☒ **TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

 Tarikh: 7/3/2022

 (Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
 & (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

 PROF. Madya DR. HJ. MOHD. KASHID BIN MD. IDRIS
 Ketua Jabatan Bahasa Dan Kesusasteraan Melayu
 Fakulti Bahasa dan Komunikasi
 Universiti Pendidikan Sultan Idris

 Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

 Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN



Jangan takut jatuh, kerana yang tidak pernah memanjatlah yang tidak pernah jatuh. Yang takut gagal, kerana yang tidak pernah gagal hanyalah orang-orang yang tidak pernah melangkah. Jangan takut salah, kerana dengan kesalahan yang pertama kita dapat menambah pengetahuan untuk mencari jalan yang benar pada langkah yang kedua.

BUYA HAMKA

Syukur yang tak terhingga kupanjatkan ke hadrat ILAHI. Dia Yang Maha Bijaksana.

Terima kasih buat penyelia disertasi, Profesor Madya Dr. Mohd Rashid Md Idris kerana buah fikirmu, disertasi ini dapat disiapkan sehingga ke penghujung.

Tidak lupa Profesor Madya Dr. Idris bin Radzi, Penyelia Bersama dalam menyiapkan disertasi ini. Kerana sabarmu, kugagahi juga meneruskan perjuangan ini.

Terima kasih kepada Profesor Madya Dr. Adenan bin Ayob, Penilai dalaman disertasiku, Allah juga yang Maha Melihat dan Maha Menilai. Tidak dapatku balas segala bantuanmu. Juga buat Dr. Alizah binti Lambri, segala komen-komen membina menjadi kekuatan kepadaku.

Terima kasih kepada kedua ibu baku dan keluarga mertuaku. Doa kalian dan sokongan menjadi sumber inspirasi buatku.

Terima kasih kepada suamiku, Allah mencatat segala penat lelahmu dalam menyokongku mencari ilmu. Semoga dibalas dengan timbangan pahala yang berat.

Terima kasih buat semua ahli keluarga. Disertasi ini menjadi penyambung legasi keluarga kita bersama.

Buat anakku, Mohd Azfar Firasy semoga engkau dapat menjadi penyambung generasi berilmu dan beriman. Ingatlah anakku, ILMU ITU CAHAYA BAGI ORANG MUKMIN.

Juga,

Sahabat-sahabatku, kalian menjadi kekuatan dalaman buat diri ini. Sesiapa sahaja yang banyak membantuku. Terima kasih.



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menilai instrumen inventori nilai murni berdasarkan persepsi guru Bahasa Melayu. Teori perkembangan moral dan etika oleh Kohlberg telah digunakan dalam kajian ini yang mengfokuskan kepada elemen moral dan etika yang mendasari nilai murni. Kaedah kajian menggunakan reka bentuk kajian kes. Populasi guru Bahasa Melayu di sekolah menengah di daerah Sabak Bernam adalah seramai 195 orang dan sampel kajian seramai 50 orang guru Bahasa Melayu telah dipilih daripada 17 buah sekolah menengah di daerah Sabak Bernam secara rawak kluster. Instrumen kajian terdiri daripada satu set inventori yang mengandungi 17 dimensi nilai murni yang telah diadaptasi daripada Mohd Khairi bin Hj Othman. Kesahan konstruk inventori tersebut telah disahkan oleh empat orang pakar bidang dan nilai kebolehpercayaan instrumen berdasarkan pekali *Alfa Cronbach* adalah $\alpha = 0.96$. Inventori nilai murni ini menunjukkan nilai kebolehpercayaan yang tinggi. Data kajian telah dianalisis menggunakan statistik deskriptif seperti kekerapan, peratusan, min, dan sisihan piawai. Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru Bahasa Melayu percaya bahawa 17 nilai murni yang diuji dalam inventori tersebut adalah penting. Lima nilai murni telah mendapat skor min tertinggi yang menunjukkan responden sangat bersetuju bahawa dimensi tersebut sangat penting iaitu berdikari ($M = 4.00$; $SP = 0.00$), keadilan ($M = 4.00$; $SP = 0.00$), kesyukuran ($M = 4.00$; $SP = 0.00$), rasional ($M = 4.00$; $SP = 0.00$), dan patriotisma ($M = 4.00$; $SP = 0.00$). Namun dua skor min yang terendah iaitu dimensi kasih sayang ($M = 3.86$; $SP = 0.45$) dan kebebasan ($M = 3.86$; $SP = 0.60$). Kesimpulannya, dapatan utama kajian menunjukkan bahawa instrumen inventori nilai murni ini telah dipersetujui oleh guru Bahasa Melayu bahawa ia adalah penting dan sesuai digunakan. Namun dimensi kasih sayang dan kebebasan perlu dimurnikan. Implikasi kajian menunjukkan instrumen inventori nilai murni boleh digunakan oleh guru di sekolah menengah dan juga boleh diaplikasi di sekolah rendah dan di institusi pendidikan tinggi.

THE EVALUATION OF MALAY LANGUAGE TEACHERS ON THE INSTRUMENT OF POSITIVE ATTRIBUTES INVENTORY

ABSTRACT

The purpose of this study was to evaluate the moral values inventory instrument from the perspective of the Malay language teachers. Kohlberg's theory of moral and ethical development was used in this study that focused on the moral and ethical elements underlying the positive moral values. The study used case study as its design. The total population of the Malay language teachers in secondary schools in the district of Sabak Bernam was 195 teachers and a sample of 50 teachers were selected from 17 secondary schools in Sabak Bernam district using clustered random sampling. The research instrument utilised in this study was an inventory of moral values consisted of 17 dimensions adapted from Mohd Khairi bin Hj Othman. The construct validity of the inventory was confirmed by four field experts while its reliability was measured using the Cronbach's Alpha formula and the coefficient value of $\alpha = 0.96$. The alpha value indicated that the inventory possessed high reliability. The data were analysed using descriptive statistics such as frequency, percentage, mean, and standard deviation. The result showed that the Malay language teachers perceived all 17 moral values as important. Five moral values obtained the highest mean scores which suggested that the respondents strongly agreed that the dimensions of independence ($M = 4.00$; $SD = 0.00$), justice ($M = 4.00$; $SD = 0.00$), gratitude ($M = 4.00$; $SD = 0.00$), rationality ($M = 4.00$; $SD = 0.00$), and patriotism ($M = 4.00$; $SD = 0.00$) were highly important. Meanwhile, two dimensions recorded the lowest mean scores namely love ($M = 3.86$; $SD = 0.45$) and freedom ($M = 3.86$; $SD = 0.60$). In conclusion, the key finding of this study indicates that Malay language teachers agree on the importance and suitability of the moral values inventory instrument. However, the dimensions of love and freedom should be reinforced in the classroom. The implication of this study suggests that the moral value inventory instrument can be applied by teachers in secondary and in primary schools as well as in higher education institutions.

**KANDUNGAN****Muka Surat**

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii
SENARAI LAMPIRAN	xiv
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang	2
1.3 Penyataan Masalah	5
1.4 Objektif Kajian	7
1.5 Soalan Kajian	7
1.6 Kerangka Konseptual Kajian	8
1.7 Kepentingan Kajian	9
1.8 Batasan Kajian	11
1.9 Definisi Operasional	12



1.9.1 Penilaian Guru	12
1.9.2 Instrumen Inventori Nilai Murni	13
1.9.3 Perkembangan Moral dan Etika	25
1.10 Rumusan	26

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengenalan	27
2.2 Kerangka Teoritik Teorikal	28
2.2.1 Teori Perkembangan Moral dan Etika	28
2.3 Kerangka Teoritik Kajian	39
2.4 Penilaian	41
2.5 Kajian-kajian Lepas Yang Berkaitan Penilaian	43
2.6 Kajian Berkaitan Pembinaan Instrumen	58
2.7 Kajian Penerapan Nilai Murni	73
2.8 Rumusan	80

BAB 3 METODOLOGI

3.1 Pengenalan	81
3.2 Reka Bentuk Kajian	82
3.3 Populasi Kajian	83
3.4 Penentuan Saiz Sampel Kajian	86
3.5 Lokasi Kajian	88
3.6 Prosedur Persampelan Kajian	89
3.7 Instrumen Kajian	91

3.8 Prosedur Pembinaan Instrumen	93
3.8.1 Peringkat Pertama: Menjalankan Kajian Literatur	94
3.8.2 Peringkat Kedua: Pembinaan Instrumen	96
3.8.3 Peringkat Ketiga: Menjalankan Kajian Sebenar	97
3.9 Kesahan Instrumen	98
3.9.1 Kesahan Bahasa	99
3.9.2 Kesahan Kandungan	102
3.10 Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	104
3.10.1 Kajian rintis	105
3.10.2 Hasil Dapatan Kajian Rintis	106
3.11 Kajian Sebenar	107
3.12 Prosedur Pengumpulan Data	107
3.13 Analisis Data	109
3.14 Analisis Data Deskriptif	110
3.15 Rumusan	111

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan	113
4.2 Objektif Pertama	114
4.2.1 Penilaian Guru Bahasa Melayu terhadap Instrumen Inventori Nilai Murni	114
4.3 Objektif Kedua	117
4.3.1 Perbandingan Dimensi Nilai Murni yang Mempunyai Skor Min yang Tertinggi dengan Dimensi Nilai Murni yang Mempunyai Skor Min yang Terendah	117

4.4 Rumusan	120
-------------	-----

BAB 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan	121
----------------	-----

5.2 Perbincangan Hasil Dapatan Kajian	122
---------------------------------------	-----

5.2.1 Skor Min Penilaian Guru Bahasa Melayu Terhadap Instrumen Inventori Nilai Murni dari Segi Data Deskriptif	122
--	-----

5.3 Perbezaan Min antara Satu Nilai Murni dengan Nilai Murni yang Lain	125
---	-----

5.4 Kesimpulan	127
----------------	-----

5.5 Implikasi Kajian	128
----------------------	-----

5.6 Cadangan	129
--------------	-----

5.7 Rumusan	130
-------------	-----

RUJUKAN

131

LAMPIRAN

**SENARAI JADUAL**

No. Jadual		Muka Surat
2.1	Tahap dan Peringkat Perkembangan Moral	33
3.1	Populasi Guru Bahasa Melayu di Sekolah Rendah dan Menengah di Negeri Selangor	85
3.2	Jumlah Guru Bahasa Melayu Mengikut Daerah Pendidikan	86
3.3	Bilangan Sampel Mengikut Daerah	90
3.4	Tafsiran Skala Min bagi Interpretasi Penilaian Nilai Murni	93
3.5	Taburan Item Mengikut Dimensi dalam Instrumen Penilaian	97
3.6	Kesahan Bahasa Instrumen Inventori Berdasarkan Pakar Bahasa Melayu	102
3.7	Kesahan Kandungan Instrumen Inventori Nilai Murni Berdasarkan Pakar Bidang	104
3.8	Nilai Min bagi Penilaian Guru Bahasa Melayu Terhadap Instrumen Nilai Murni	106
3.9	Jenis Statistik Mengikut Soalan Kajian	110
4.1	Penilaian Guru Bahasa Melayu terhadap Instrumen Inventori Nilai Murni	114
4.2	Perbandingan Skor Min Dimensi Nilai Murni Tertinggi dengan Terendah	118



SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Kerangka Konseptual Kajian	8
2.1	Kerangka Teoritikal Kajian	39
3.1	Proses Pemilihan Lokasi dan Sampel Kajian	89

SENARAI SINGKATAN

BM	Bahasa Melayu
IPTA	Institut Pengajian Tinggi Awam
IPTS	Institut Pengajian Tinggi Swasta
FPN	Falsafah Pendidikan Negara
FPB	Falsafah Pendidikan Bahasa
FPK	Falsafah Pendidikan Kebaangsaan
KBSM	Kemahiran Bersepadu Sekolah Menengah
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
SPSS	<i>Statistical Packages For The Social Science</i>

SENARAI LAMPIRAN

- A Analisis Data SPSS
- B Instrumen Inventori Nilai Murni



BAB 1

PENDAHULUAN



Bab ini membincangkan pengenalan kajian yang dijalankan. Perbincangan meliputi pendahuluan bab, latar belakang penerapan nilai murni, permasalahan kajian yang menghuraikan masalah serta rasional penyelidikan kajian ini dilakukan dan kerangka teori kajian berdasarkan Teori Perkembangan Moral dan Etika (Kohlberg, 1984). Selain itu, bab ini juga mengemukakan objektif dan persoalan kajian yang digarapkan selaras dengan kerangka konseptual kajian ini. Seterusnya pada akhir bab membincangkan mengenai kepentingan dan batasan kajian seterusnya mendefinisikan istilah-istilah yang digunakan dalam kajian ini.



1.2 Latar Belakang

Dalam konteks perkembangan pendidikan di Malaysia, kurikulum merupakan proses merencana, menyepadukan, mentafsir maksud, matlamat dan objektif kurikulum. Menurut Abdul Fatah Hassan (2003), kurikulum kebangsaan ialah suatu program pendidikan meliputi semua aspek kurikulum dan kokurikulum yang merangkumi semua pengetahuan dan kemahiran, norma, nilai, unsur kebudayaan dan kepercayaan yang dapat membantu perkembangan individu menjadi insan seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek dan mempertingkatkan nilai moral dan akhlak.

Kurikulum juga berkaitan dengan menterjemah isi kandungan pelajaran dan melaksanakannya dalam bentuk pelajaran sesuatu disiplin ilmu (Akhmal Annas Hasmori, Hussin Sarju, Ismail Sabri Norihan, Rohana Hamzah & Muhammad Sukri Saud, 2011). Daripada pendekatan bahasa, kurikulum dapat dikonsepskan sebagai suatu program pendidikan yang dirancang dan dilaksanakan untuk mencapai matlamat dan tujuan pendidikan. Berdasarkan pengertian ini, Nurazmallail Marni dan Zulkiflee Haron (2008), terdapat tiga asas utama yang tersirat dalam konsep kurikulum iaitu,

- i. Pendidikan adalah satu proses, usaha atau kegiatan yang mempunyai tujuan.
- ii. Dalam kegiatan pendidikan terdapat suatu program yang disusun dan diatur.
- iii. Rancangan tersebut disusun oleh badan-badan tertentu untuk dilaksanakan di mana-mana pusat pengajian melalui acuan ditetapkan.

Kurikulum ini juga mementingkan penggabungjalinan kemahiran bahasa, termasuk penyerapan ilmu pengetahuan, unsur kewarganegaraan serta nilai murni bagi membentuk peribadi yang seimbang dan harmonis (Perkembangan Kurikulum Pendidikan Bahasa Melayu (2016-2025). Menurut Zulkifli Osman (2013), hal ini selari dengan penjelasan Awang Sariyan (2004) yang menjelaskan bahawa falsafah pendidikan bersepadu Bahasa Melayu ialah terjemahan daripada Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang menjadi induk kepada Falsafah Pendidikan Bahasa (FPB). Menurut beliau, FPB yang menunjangi pendidikan bahasa ialah:

- i. Keupayaan potensi berbahasa dapat dikembangkan melalui pendidikan bahasa yang dikurniakan Tuhan.
- ii. Keupayaan meneliti sistem alam ciptaan Tuhan juga dikaitkan dengan keupayaan potensi berbahasa.
- iii. Pendidikan bahasa juga dilihat sebagai subjek atau sebagai sarana pemerolehan ilmu lain adalah satu cabang pendidikan umum.
- iv. Pendidikan bahasa sebagai wahana pewarisan nilai-nilai kehidupan bermasyarakat.

Nilai-nilai inilah yang membentuk cara seseorang individu itu bertingkah laku, berfikir dan bertindak sehingga mencorakkan kebudayaan atau norma sesebuah masyarakat (Mohd Arif Ismail, Mohd Jasmy Abd. Rahman & Rosnaini Mahmud, 2005). Pada masa ini, terdapat peningkatan usaha yang dilakukan pada keseluruhan pembangunan kanak-kanak seperti isu berkaitan kesihatan mental, pembelajaran emosi sosial dan pendidikan watak (Cohen, 2006). Setelah sekian lama skor ujian adalah satu-satunya hasil yang dinilai di sekolah, namun sejak kebelakangan ini terdapat

kecenderungan yang diberikan penekanan selain daripada literasi dan numerasi iaitu pemikiran kritis, kolaborasi, pembelajaran peribadi, pembelajaran emosi dan pendidikan kewarganegaraan (Wagner, 2008; Pellegrino, Vagati, Boazzo & Guglielmi, 2012; Mehta & Fine, 2019; Levinson, 2012). Selain daripada elemen teknikal dan praktikal, Brady dan Kennedy (2007) dalam penulisan mereka, *Curriculum Construction*, turut menekankan kepada prinsip etika iaitu keperluan untuk menjadikan nilai sebagai landasan pengisian penilaian kurikulum (Rohana Hamzah, Zulfadhly Othman, Zuraina Ali, Christina Andin & Nur Qistina Abdullah, 2017).

Identiti moral adalah tahap individu yang menimbangkan watak moralnya sebagai bahagian yang dominan dari konsep dirinya (Bock & Samuelson, 2015). Menurut Khadijah Rohani Mohd Yunus (2008), kalau diperhatikan hari ini banyak daripada amalan dan proses pendidikan yang menyumbang ke arah pembentukan nilai dalam diri generasi muda semakin berkurangan. Pendidikan hari ini terlalu menfokuskan kepada kejayaan akademik yang menyebabkan pendidikan afektif diabaikan. Kurangnya penekanan nilai-nilai murni oleh guru dalam diri murid-murid akan menimbulkan kurangnya kefahaman dan penghayatan nilai-nilai murni dalam kalangan pelajar.



1.3 Pernyataan Masalah

Selari dengan perubahan hala tuju pendidikan negara, kurikulum Bahasa Melayu turut mengalami perubahan daripada KBSM kepada KSSM yang didokumenkan sebagai Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP). Sungguhpun begitu, hasrat kerajaan dalam melahirkan warganegara yang baik tetap menjadi agenda utama apabila kurikulum yang dibina bertujuan membolehkan murid mencapai objektif antaranya murid dapat menghayati dan mengamalkan nilai murni, sikap positif, semangat patriotik dan kewarganegaraan melalui aktiviti berbahasa.

Oleh itu, sekolah menjadi salah satu entiti yang penting dalam mempengaruhi identiti seseorang (Moshman, 2004, 2005; Oyserman, Elmore & Smith, 2012; Splitter, 2010). Sebagai agen dalam perubahan pendidikan, guru-guru perlu mempunyai pengetahuan terkini dalam merubah tingkah laku pelajar supaya kualiti pendidikan dan kemerosotan kelakuan boleh dipertingkatkan khusus dalam aspek meningkatkan penghayatan nilai murni pelajar (Dad, Ali, Janjua, Shahzad & Khan, 2010). Apatahlagi nilai murni menjadi salah satu elemen merentas kurikulum apabila nilai murni diberi penekanan dalam semua mata pelajaran supaya murid sedar akan kepentingan dan mengamalkannya.

Nilai murni merangkumi aspek kerohanian, kemanusiaan dan kewarganegaraan yang menjadi amalan dalam kehidupan harian. Penerapan nilai murni dan budaya dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu adalah untuk melahirkan insan yang berilmu pengetahuan dan berhemah tinggi (Juliah Yaacob, 2014). Namun sebagaimana yang dilaporkan dalam kajian-kajian lepas, guru kurang menguasai prinsip, kaedah dan





teknik penerapan nilai dalam pengajaran, tidak mendapat pendedahan yang cukup berhubung dengan penerapan nilai dan menghadapi kesuntukan masa untuk menjalankan strategi penanaman nilai dalam pengajaran. Menyedari kepentingan nilai murni dalam pendidikan secara holistik, sudah banyak kajian yang dijalankan oleh penyelidik terdahulu mengenai nilai murni sejak dulu lagi.

Kajian-kajian ini meliputi kajian dalam negara dan juga luar negara. Hal ini demikian kerana nilai menjadi elemen yang penting dalam perkembangan budaya bilik darjah (De Nobile, Lyons & Arthur-Kelly, 2017). Nilai turut diajar secara eksplisit dan menjadi asas kepada kejayaan sekolah (Hamston, Weston, Wajsenberg & Brown, 2010). Oleh itu, kajian-kajian terhadap nilai murni tidak pernah berhenti dan terus dijalankan. Pelbagai bentuk dan kaedah kajian yang dijalankan oleh penyelidik terdahulu meliputi pelbagai isu nilai murni antaranya aspek persepsi dan amalan guru terhadap penerapan nilai murni, kaedah dan teknik dan permasalahan pelaksanaan penerapan nilai murni yang dijalankan oleh antaranya Robiah Hamzah Kulop (2001); Wan Hasmah Wan Mamat (2002); Zaridah Othman (2005); Mohd Uzi Dollah (2007); Nor Lela Ahmad (2008) dan Muhamad Khairi Othman (2013).

Kajian mengenai penilaian nilai murni dalam kajian-kajian terdahulu lebih menfokuskan kepada kaedah campuran iaitu dikaji melalui soal selidik dan temu bual bersama guru dan pelajar. Namun, kajian berbentuk satu set instrumen inventori khusus mengenai penerapan nilai murni masih lagi kurang dijalankan. Justeru, pengkaji berasa perlu dijalankan kajian mengenai penerapan nilai murni menggunakan satu set instrumen inventori yang dinilai oleh guru Bahasa Melayu. Kajian ini penting kerana menurut Mohamad Khairi Othman (2013), beliau melaporkan hasil kajian



memperlihatkan secara keseluruhan penghayatan nilai murni pelajar adalah sederhana tinggi dan agak memuaskan sahaja. Hal ini mengukuhkan lagi perlunya kajian ini dijalankan dan menjadi rujukan dalam menambah baik lagi penerapan nilai murni dalam kalangan pelajar yang menjadi agenda penting negara secara berterusan.

1.4 Objektif Kajian

Dalam kajian ini, objektif kajian adalah seperti berikut:

- i. Mengenalpasti penilaian guru Bahasa Melayu terhadap instrumen inventori nilai murni dari segi data deskriptif.
- ii. Menganalisis dimensi nilai murni yang mempunyai skor min yang tertinggi dibanding dengan dimensi nilai murni yang mempunyai skor min terendah.

1.5 Soalan Kajian

Soalan kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Apakah skor min penilaian guru Bahasa Melayu terhadap instrumen inventori nilai murni dari segi data deskriptif?
- ii. Apakah dimensi nilai murni yang mempunyai skor min yang tertinggi dibanding dengan dimensi nilai murni yang mempunyai skor min terendah?

1.6 Kerangka Konseptual Kajian

Berdasarkan perbincangan berkaitan tinjauan literatur, latar belakang teoritikal dan kerangka teori yang dikemukakan, maka penyelidik merumuskan fokus kajian ini dan membentuk satu kerangka konseptual kajian seperti Rajah 1.1.



Rajah 1.1. Kerangka Konseptual Kajian

Rajah 1.1 menunjukkan pemboleh ubah-pemboleh ubah dalam kajian ini.

Pemboleh ubah bersandar dalam kajian ini adalah penilaian guru Bahasa Melayu. Penilaian guru dalam kajian ini melibatkan sejauh mana guru-guru memberikan penilaian terhadap inventori nilai murni yang dibina oleh pengkaji berdasarkan tinjauan literatur dan ubah suai daripada instrumen pengkaji terdahulu.

Pemboleh ubah tidak bersandar dalam kajian ini pula adalah inventori nilai murni yang dibina oleh pengkaji. Instrumen inventori nilai murni ini mengandungi 17 dimensi yang merujuk kepada 17 dimensi nilai murni yang telah ditetapkan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum (2005) dan dipersetujui oleh jawatankuasa pelbagai agama yang dilantik oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Tinjauan kajian ini adalah mengenai penilaian guru-guru terhadap item-item dalam 17 dimensi yang dibina oleh pengkaji. Item-item tersebut mewakili setiap dimensi yang dikaji.

Tahap persetujuan guru-guru yang arif mengenai nilai murni dan mempunyai pengalaman yang luas dalam menerapkan nilai murni menjadi aspek pengukuran dalam kajian ini. Dengan terbinanya inventori nilai murni dalam kajian ini dapat membantu guru-guru mencapai matlamat pendidikan iaitu pembentukan akhlak dan sahsiah pelajar. Seterusnya, akhlak yang baik yang dibina oleh pelajar itu akan menjadi karakter yang melekat yang memungkinkan seseorang pelajar itu selalu bertingkah laku yang secara moral dinilai baik. Perilaku dianggap baik jika sepadan dengan kehendak Allah S.W.T dan perilaku manusia dianggap tidak baik bila tidak mengikuti aturan atau perintah Allah. Begitu juga dengan pelajar lain yang menganut agama lain yang patuh terhadap suruhan Tuhan dan kitab suci dan kepercayaan masing-masing.

Kepentingan kajian ini ialah;

- i. Maklumat daripada kajian ini dapat digunakan sebagai rujukan kepada guru-guru dalam memahami nilai murni. Hal ini kerana daripada kajian-kajian lepas oleh pengkaji-pengkaji yang lain, masih terdapat kelemahan dalam kalangan guru-guru menerapkan nilai murni dalam kalangan murid. Malahan, kajian-kajian terhadap usaha menerapkan nilai murni dalam kalangan murid-murid di negara ini masih lagi menjadi topik kajian. Justeru, dengan berpandukan kajian yang dijalankan oleh pengkaji dalam kajian ini, dapat membantu guru-guru di negara ini memantapkan lagi pengetahuan sedia ada berkaitan nilai murni.

- ii. Kajian ini juga dapat mengesahkan status pemahaman guru-guru terhadap nilai murni sebelum mereka menerapkan nilai-nilai murni semasa sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP). Hasil kajian ini dapat membantu guru-guru memperbaiki dan memantapkan diri mereka dalam usaha menerapkan nilai-nilai murni kepada murid-murid. Hal ini kerana nilai murni merupakan elemen penting yang menjadi salah satu penekanan dalam Pembangunan Pelan Pendidikan (2013-2025).
- iii. Kajian ini dapat memberi maklumat kepada kepada pihak JPN Selangor dalam mengenal pasti kelemahan dan kekuatan yang ada dalam kalangan guru yang mengajar subjek Bahasa Melayu di sekolah dalam usaha mereka menerapkan nilai murni kepada murid-murid di sekolah.
- iv. Penggubalan terkini Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu memberi penekanan kepada penerapan nilai murni dalam pengajaran. Oleh itu, diharap pihak yang terlibat dalam perancang kurikulum pendidikan dapat menggunakan dapatan kajian ini dalam mengemas kinikan kandungan kurikulum supaya lebih praktikal dan mudah kepada guru.
- v. Dapatan kajian ini juga diharap dapat membantu pendidik guru (seperti pensyarah-pensyarah di maktab perguruan) meningkatkan kualiti bimbingan kepada guru-guru pra-perkhidmatan dan dalam perkhidmatan bagi memahami, menghayati dan melaksanakan penerapan nilai dalam kalangan murid-murid.



1.8 Batasan Kajian

Kajian ini adalah untuk mengetahui dan mengenalpasti tahap penilaian guru Bahasa Melayu di sekolah menengah di daerah Sabak Bernam. Sampel kajian ialah guru Bahasa Melayu di daerah Sabak Bernam dan Kuala Selangor dalam negeri Selangor. Dalam batasan kajian ini, penyelidik telah menetapkan dua batasan kajian yang dilihat mampu memandu penulisan penyelidikan ini agar seiring dengan matlamat penyelidikan dan hasil penyelidikan.

- i. Kajian dijalankan di 22 buah sekolah menengah dalam negeri Selangor sahaja.
- ii. Subjek kajian hanya melibatkan guru-guru yang mengajar Bahasa Melayu di sekolah-sekolah menengah dalam daerah-daerah tersebut.
- iii. Sampel kajian terdiri daripada sejumlah 50 orang guru Bahasa Melayu di daerah Sabak Bernam yang terdiri daripada guru Bahasa Melayu yang mempunyai pengetahuan, pengalaman dan kepakaran mengenai nilai murni.
- iv. Data diperoleh dengan menggunakan instrumen nilai murni yang diadaptasi daripada Mohamad Khairi Othman (2013).
- v. Tempoh kajian ini akan melibatkan tempoh pembinaan instrumen, tempoh mendapatkan kebolehpercayaan pakar, tempoh mendapatkan kesahan instrumen, tempoh mendapatkan kelulusan Kementerian Pendidikan, Jabatan Pendidikan Negeri Selangor serta pihak Pejabat Pendidikan Daerah untuk menjalankan penyelidikan, tempoh pengumpulan data serta tempoh untuk mendapatkan dapatan kajian penyelidikan.



1.9 Definisi Operasional

1.9.1 Penilaian Guru

Fadzilah Abd Rahman (2010) menyimpulkan penilaian ialah kebolehan memberi pendapat atau pertimbangan berdasarkan kriteria-kriteria tertentu harus juga sedia ada supaya dapat memberikan penilaian yang wajar dan bersifat autentik. Dalam kajian ini, penilaian membawa maksud respons guru-guru Bahasa Melayu dalam memberikan tahap persetujuan mereka terhadap instrumen inventori nilai murni yang dibina oleh penyelidik. Dalam kajian ini, penilaian guru didefinisikan sebagai sejauh mana guru-guru dapat memberikan penilaian terhadap instrumen yang dibina oleh penyelidik.

Penilaian melibatkan tahap persetujuan responden terhadap sebanyak 119 item-item yang dibina oleh penyelidik yang diadaptasi daripada instrumen pengkaji Mohamad Khairi Othman (2013). Item-item ini dibina berdasarkan skop dan isi kandungan tujuh belas nilai murni yang ditetapkan oleh Pusat Perkembangan Kokurikulum (2005). Ini bermakna tujuh belas dimensi yang akan dikemukakan dalam mengkaji penilaian guru terhadap instrumen inventori nilai murni sebagaimana yang telah dijelaskan dalam skop dan batasan kajian.

Penilaian guru-guru terhadap inventori nilai murni yang dibina oleh penyelidik ini diukur menggunakan skala pemarkatan 4 mata iaitu sangat tidak setuju (1), tidak setuju (2), tidak setuju (3) dan sangat setuju (4). Bagi memberikan skala persetujuan, guru-guru dikehendaki membaca, memahami dan meneliti terlebih dahulu definisi tujuh belas dimensi nilai murni kemudian guru-guru akan meneliti pula item-item yang dibina

oleh penyelidik sama ada item-item tersebut benar-benar mewakili tujuh belas dimensi nilai murni itu tadi kemudian barulah guru-guru dikehendaki memberikan penilaian mereka terhadap 119 item-item yang dibina oleh penyelidik.

1.9.2 Instrumen Inventori Nilai Murni

Menurut Gay, Mills dan Airasian (2009), instrumen adalah ujian tertentu atau alat yang digunakan untuk mengumpul data mengikut rasional pemilihan spesifik instrumen tertentu. Data kuantitatif dapat didokumentasikan dengan menggunakan instrumen kajian selain berfungsi sebagai alat untuk mengukur dan memerhati (Creswell, 2008).

Dalam kajian ini, instrumen yang digunakan dalam kajian dibangunkan oleh penyelidik berbentuk alat ukur soal selidik yang diadaptasi daripada soal selidik oleh Mohamad Khairi Othman (2013) dalam kajiannya yang bertajuk ‘Penerapan Nilai Murni dalam Pengajaran dan Hubungannya dengan Penghayatan Nilai Murni dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah’. Instrumen ini terdiri daripada 119 item yang dibina oleh penyelidik. 119 item ini dibahagikan mengikut susunan tujuh belas bahagian di mana tujuh belas bahagian ini merupakan nilai murni yang disenaraikan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2005).

Tujuh belas nilai murni ini menjadi panduan kepada guru untuk menerapkan nilai murni melalui semua mata pelajaran di sekolah. Nilai murni tersebut ialah baik hati, berdikari, hemah tinggi, hormat-menghormati, kasih sayang, keadilan, kebebasan, keberanian, kebersihan fizikal dan mental, kejujuran, kerajinan, kerjasama, kesederhanaan, kesyukuran, rasional, semangat bermasyarakat dan patriotism (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2005). Pengertian setiap nilai murni dijelaskan seperti berikut:

a) Baik hati

Sikap baik hati iaitu mengambil berat terhadap perasaan dan kebijaksanaan orang lain secara tulus ikhlas seharusnya ditekankan. Ciri-ciri yang harus ada pada individu itu ialah mengambil berat terhadap perasaan dan kebajikan orang lain secara tulus ikhlas seharusnya ditekankan. Ciri-ciri yang harus ada pada individu itu ialah:

- i. Belas kasihan – individu itu akan bersimpati terhadap kesusahan dan kesedihan orang lain.
- ii. Bertimbang rasa – iaitu mengambil kira keperluan dan perasaan orang lain
- iii. Sanggup memberi bantuan secara ikhlas kepada yang memerlukan sama ada dalam bentuk kebendaan atau sokongan moral.
- iv. Sanggup saling memahami perasaan dan menerima pendapat masing-masing.
- v. Sedia memaafkan seseorang yang telah pun insaf akan kesalahannya.



b) Berdikari

Sikap ini merupakan kebolehan dan kesanggupan seseorang melakukan sesuatu tanpa bergantung kepada orang lain. Sikap ini dapat diamalkan melalui sifat-sifat berikut:

- i. Bertanggungjawab – menunjukkan kepada seseorang untuk memikirkan kewajipan serta melaksanakannya secara sempurna.
- ii. Bertindak sendiri – sifat ini jelas didapati apabila seseorang individu itu berupaya melakukan sesuatu untuk diri sendiri tanpa mengharapkan bantuan orang lain.
- iii. Jaya diri – ini dilakukan dengan cara memupuk serta mengembangkan potensi yang ada dalam diri sendiri dengan tujuan memperolehi kejayaan hidup.
- iv. Keyakinan diri – ia merupakan kepercayaan kepada kebolehan untuk bertindak dan mencapai sesuatu yang dikehendaki.

c) Hemah tinggi

Dalam nilai hemah tinggi ditegaskan bahawa budi pekerti dan tingkah laku yang mulia, lemah lembut serta berbudi bahasa, seharusnya diamalkan oleh seseorang individu dalam hubungannya dengan ahli-ahli lain di dalam masyarakat. Ciri-ciri yang harus ada pada seseorang individu ialah:



- i. Bersopan santun, berbudi pekerti tinggi, tidak angkuh, tidak menunjuk-nunjuk dan tidak sombong dalam pergaulan dengan anggota-anggota lain dalam masyarakat.
- ii. Sikap sedia menerima dan mengakui kesilapan dan kelemahan diri.
- iii. Suka bercampur gaul serta tidak mengasingkan diri.

d) Hormat-menghormati

Menghargai dan memuliakan seseorang dan institusi sosial dengan memberi layanan yang bersopan.

- i. Hormat dan taat kepada ibu bapa – Kewajipan dan tanggungjawab seseorang anak bagi memuliakan ibu bapa.
- ii. Hormat kepada orang yang lebih tua, guru, rakan, jiran tetangga dan pemimpin – Menunjukkan rasa hormat kepada golongan yang tersebut dengan memberi layanan yang baik.
- iii. Hormat kepada raja dan negara – Menerima dan menghormati raja serta lambang-lambang kebesaran negara seperti bendera dan lagu kebangsaan.
- iv. Hormat kepada hak asasi – Menghormati hak dan keperluan asasi seseorang individu seperti yang terkandung dalam Perlembagaan Malaysia.
- v. Hormat kepada kepercayaan dan adat resam pelbagai keturunan – Menghormati kepercayaan dan adat resam pelbagai keturunan.
- vi. Hormat kepada keperibadian individu – Menghormati sifat-sifat yang tersendiri yang ada pada setiap individu, terutamanya golongan yang kurang bernasib baik.

- vii. Patuh kepada undang-undang – Menerima dan mematuhi undang-undang dan peraturan yang telah ditentukan tanpa mengira di mana sahaja seseorang itu berada.
- viii. Patuh kepada ketepatan masa – Menepati waktu dan menggunakan masa dengan berfaedah.
- ix. Menghargai kebijaksanaan, pengalaman dan jasa – Menghargai seseorang kerana pengetahuan, pengalaman, pengorbanan dan jasanya dalam sesuatu lapangan.
- x. Menghargai tenaga pekerja – Menghargai perkhidmatan, jasa dan sumbangan golongan pekerja.
- xi. Menghargai maruah diri – Menghargai maruah diri setiap individu tanpa mengira taraf dan kedudukan sosialnya.

e) Kasih sayang

Ini merupakan perasaan kasih dan sayang yang mendalam dan tidak berkekalan yang lahir dari hati yang rela terhadap sesuatu. Kasih sayang dapat dilihat dari aspek-aspek berikut:

- i. Menghargai segala yang bernyawa.
- ii. Sayang kepada raja dan negara
- iii. Cinta kepada keharmonian dan dengan itu suka hidup berbaik-baik antara satu sama lain.
- iv. Cinta kepada alam sekeliling.



f) Keadilan

Anggota-anggota dalam masyarakat diharap dapat menunjukkan perlakuan, pertuturan dan keputusan yang saksama serta tidak berat sebelah sama ada dalam memberi ganjaran atau hukuman. Keadilan hendaklah ditunjukkan dengan cara mempertimbangkan sesuatu secara objektif, menyeluruh, wajar dan tidak berat sebelah.

g) Kebebasan

Seseorang individu adalah bebas melakukan sesuatu tanpa batasan tetapi kebebasan ini adalah tertakluk kepada peraturan-peraturan dan undang-undang yang ditentukan oleh agama, masyarakat dan negara. Dalam sistem demokrasi, kebebasan adalah diberikan kepada individu untuk melakukan sesuatu bagi menjamin kesejahteraan hidup.

Misalnya, di negara kita, kebebasan ini adalah diperuntukkan dalam Perlembagaan Malaysia. Di sisi undang-undang, seseorang itu adalah bebas melakukan sesuatu perbuatan asalkan tidak melanggar batas-batas peraturan dan undang-undang yang ditetapkan oleh agama, keluarga, komuniti, masyarakat dan negara.

h) Keberanian

Keberanian yang dimaksudkan di sini merujuk kepada kesanggupan seseorang untuk menghadapi cabaran dengan yakin dan tabah hati. Keberanian itu perlu ada pada setiap orang tetapi ia harus tahu batas dan keupayaannya. Ini adalah kerana keberanian yang melulu boleh mengakibatkan bencana. Ciri-ciri yang harus ditonjolkan ialah:



- i. Berani menghadapi sesuatu cabaran dengan mengambil kira keupayaan diri dan juga akibat satu-satu tindakan itu.
- ii. Sedia mempertahankan sesuatu yang diakui benar dengan mengemukakan bukti-bukti dan alasan-alasan yang munasabah.
- iii. Sedia bertanggungjawab terhadap segala keputusan serta tindakan yang telah dilakukan.

i) Kebersihan fizikal dan mental

Jenis kebersihan yang ditekankan ialah kebersihan diri dan kebersihan persekitaran manakala kebersihan mental merujuk kepada kebersihan pertuturan, perlakuan, kerohanian dan pemikiran. Bagi menjamin kesejahteraan hidup, kebersihan tubuh badan perlu dijaga oleh setiap daripada kita. Alam sekeliling juga perlu dijaga supaya ia bebas daripada kekotoran dan pelbagai jenis pencemaran. Dari segi mental, pandangan, cadangan serta pemikiran yang bernas dan ikhlas harus dipupuk untuk kebaikan diri dan masyarakat. Pertuturan dan kelakuan yang sopan perlu diamalkan oleh seseorang individu dalam hubungannya dengan individu-individu lain demi mencapai kebersihan rohani dan jasmani.

j) Kejujuran

Seseorang individu itu adalah diharapkan dapat menunjukkan sifat dan perlakuan yang menunjukkan niat baik, amanah dan keikhlasan tanpa mengharapkan apa-apa balasan. Sifat-sifat lain yang berkaitan dengan kejujuran adalah seperti berikut:

- i. Amanah – sifat ini merupakan suatu sikap bertanggungjawab yang boleh menimbulkan kepercayaan dan keyakinan orang lain.
- ii. Bercakap benar – individu dikehendaki menyatakan sesuatu dengan betul dan benar tanpa menokok tambah dan berselindung.
- iii. Keikhlasan – ini merujuk kepada kesucian hati tanpa mengharapkan balasan ketika melakukan sesuatu.

k) Kerajinan

Sifat kerajinan akan membawa pelbagai kejayaan dalam hidup seseorang. Seseorang itu seharusnya mempunyai usaha berterusan yang penuh dengan semangat ketekunan, kegigihan, dedikasi dan daya usaha. Ciri-ciri yang berkaitan dengan kerajinan adalah

seperti:

- i. Individu diharap teguh, tetap dan tabah hati dalam menjalankan satu-satu tugas yang tertentu.
- ii. Individu harus berusaha bersungguh-sungguh dengan mempunyai inisiatif, inovatif dan kreatif ke arah mencapai kejayaan.
- iii. Individu harus berdedikasi atau minat dan rela mengorbankan masa dan tenaga dalam menjalankan sesuatu.
- iv. Individu seharusnya menunjukkan usaha yang penuh semangat tanpa mengenal putus asa serta sabar dalam melakukan sesuatu perkara.



l) Kerjasama

Nilai ini merujuk kepada kesanggupan untuk melakukan usaha yang baik dan membina secara bersama pada peringkat individu, komuniti, masyarakat atau negara untuk memperolehi sesuatu matlamat. Dalam konteks ini, sifat-sifat berikut harus nyata:

- i. Persaudaraan
- ii. Toleransi
- iii. Tanggungjawab bersama
- iv. Perpaduan

m) Kesederhanaan

Nilai kesederhanaan adalah penting dalam membuat pertimbangan dan tindakan sama ada dalam pemikiran, pertuturan atau perlakuan sejajar dengan norma-norma masyarakat. Seseorang individu seharusnya boleh membuat pertimbangan supaya tidak terlalu mementingkan diri sendiri dan tidak pula terlalu menjaga kepentingan orang lain sehingga boleh merosakkan diri sendiri. Dari segi pertuturan dan tingkah laku, seharusnya tidak melampaui batas kesopanan, tidak menyinggung perasaan atau menimbulkan kemarahan yang boleh mengakibatkan sesuatu kejadian yang tidak diingini dalam kalangan anggota-anggota masyarakat.



n) Kesyukuran

Kita harus berterima kasih dan bersyukur di atas kemudahan-kemudahan yang kita perolehi. Kesyukuran merujuk kepada perasaan dan perlakuan yang dilahirkan kerana nikmat dan kesenangan yang diperolehi oleh seseorang itu. Ciri-ciri yang harus ada pada individu ialah;

- i. Berterima kasih. Individu itu pula melahirkan perasaan yang menunjukkan pengiktirafan terhadap sesuatu pemberian, sumbangan atau jasa.
- ii. Mengenang budi seseorang serta berhasrat untuk membalasnya.
- iii. Sedia memberi penghargaan kerana sumbangan yang diterima.

o) Patriotik

Nilai patriotik merupakan asas bagi membina semangat cintakan negara. Dalam konteks yang lebih luas, nilai-nilai patriotik amat penting bagi mencorakkan kekuatan rakyat Malaysia. Seseorang akan menjadi lebih berani, mempunyai jati diri, sanggup berkorban dan dapat memberi sumbangan yang bermakna demi kepentingan negara sekiranya nilai patriotik ditanam dalam diri. Kelunturan nilai dan semangat patriotik boleh melemahkan negara. Semangat cintakan negara merupakan semangat patriotik yang disemarakkan dalam kalangan rakyat Malaysia menjadi tuntutan baru kebelakangan ini.



Slogan patriotik seperti “Malaysia Boleh”, “Malaysia Cemerlang” dan “Malaysia Gemilang” bertujuan menyemai semangat patriotik. Tujuannya adalah untuk membina semangat dan keyakinan patriotik serta meraih sokongan rakyat Malaysia terhadap kerajaan dan isu-isu yang berkaitan dengan negara. Patriotik ialah nilai kewarganegaraan yang penting dalam pembinaan negara. Nilai-nilai patriotik juga dipupuk bagi mendapatkan sokongan rakyat Malaysia dalam memajukan ekonomi Malaysia. Selain itu, antara contoh seseorang yang mempunyai nilai patriotisme yang tinggi adalah berusaha dan produktif untuk negara.

p) Rasional

Boleh berfikir berdasarkan alasan dan bukti yang nyata dan dapat mengambil tindakan yang sewajarnya tanpa dipengaruhi oleh perasaan.

- i. Boleh membuat pertimbangan – berupaya mengambil kira baik buruknya sesuatu perkara sebelum membuat keputusan.
- ii. Boleh membuat penaaakulan – mampu berfikir dan dapat memberi alasan-alasan yang munasabah.
- iii. Berfikiran logik dan terbuka – sikap dan pandangan yang boleh diteruma akal dan munasabah.



q) Semangat bermasyarakat

Individu memerlukan individu-individu lain untuk berinteraksi. Melalui interaksi banyak maklumat dan pengalaman dapat dikongsi bersama. Semangat bermasyarakat memang lazim terdapat pada diri kebanyakan individu. Ini merujuk kepada kesediaan untuk melakukan sesuatu demi kepentingan bersama bagi mewujudkan keharmonian hidup di dalam sesebuah masyarakat. Ciri-ciri yang harus ada ialah:

- i. Bermuafakat – sifat yang sentiasa mementingkan persetujuan dan bekerjasama dalam menjalankan sesuatu tugas yang bertujuan mencapai kepentingan bersama.
- ii. Kerajinan atau amalan hidup berbaik-baik, bertolak ansur, tolong-menolong serta sentiasa sedia bekerjasama dengan jiran.
- iii. Kepekaan kepada isu-isu sosial. Seseorang individu seharusnya sentiasa menyedari, mengambil berat dan berusaha mencari penyelesaian bagi mengatasi masalah-masalah sosial demi kebaikan bersama.

Instrumen inventori nilai murni ini dibina bertujuan untuk meninjau tahap penilaian guru-guru terhadap item-item nilai murni yang dibangunkan oleh penyelidik berdasarkan skala pemarkatan lima tahap persetujuan. Instrumen ini dibina untuk membantu guru-guru mengukuhkan lagi aktiviti penerapan nilai murni dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) agar selari dengan objektif pembangunan pendidikan negara yang masih menitikberatkan nilai-nilai murni secara holistik meskipun berlaku perubahan kurikulum daripada KBSM kepada KSSM. Oleh itu, instrumen inventori nilai murni yang dibangunkan oleh penyelidik nanti merupakan pemantapan kepada inventori-inventori yang sedia ada dalam kajian-kajian terdahulu agar dapat dijadikan panduan oleh semua guru mata pelajaran di negara ini.



1.9.3 Perkembangan Moral dan Etika

Memahami struktur dan prinsip kurikulum kebangsaan iaitu salah satunya kurikulum sekolah menengah merupakan lanjutan pendidikan rendah ke arah mengembangkan potensi individu dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, kurikulum sekolah menengah turut bertujuan untuk melahirkan insan berakhlak mulia, warganegara baik dan maju dan dapat berfungsi secara berkesan dan produktif. Justeru, Teori Perkembangan Moral dan Etika mendasari dalam pembinaan kajian ini oleh penyelidik. Instrumen inventori nilai murni yang dibangunkan oleh penyelidik yang mengandungi sebanyak 119 item yang mewakili tujuh belas gagasan nilai murni dibangunkan dengan merujuk kepada intipati teori oleh Kohlberg ini.



panduan dalam pembinaan instrumen inventori nilai murni kerana penyelidik berpendapat teori ini berkait rapat dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang menfokuskan kepada melahirkan warganegara yang berakhlak mulia. Lew, Norliza Jaafar dan Norulazilah (2015) menyatakan bahawa perkembangan moral merupakan suatu aspek yang penting dalam perkembangan hidup kerana pegangan moral yang diterapkan akan memantau perlakuannya. Seterusnya, menurut Abdullah Zhidi Omar, Mahdi Shuid, Mazlan Aris, Mohd Fu'ad Sam dan Roslina Surantnu (2014), menyatakan bahawa perkembangan moral ini lebih kepada pemahaman manusia tentang benar atau salah, atau kemahiran kita untuk menilai perkara tersebut dari sudut pemikiran tingkah laku dan perasaan. Teori perkembangan moral dan etika ini penting kerana dapat dijadikan panduan kepada penyelidik dalam membantu perkembangan moral pelajar. Ilmu terhadap perkembangan dan pertumbuhan pelajar sangat penting sebelum guru-



guru membentuk pelajar-pelajar menjadi insan yang bermoral. Teori ini penting dalam melengkapi dalam membentuk fikiran, tingkah laku dan perasaan moral ke atas manusia sejagat. Oleh itu, guru-guru dapat membantu perkembangan pelajar-pelajar dengan menggunakan teknik yang betul dan berkesan. Hal ini diterjemahkan melalui satu set instrumen inventori nilai murni yang mengandungi sebanyak 119 item yang dihasilkan oleh penyelidik dalam kajian ini.

1.10 Rumusan

Secara ringkasnya, dalam Bab 1, pengkaji telah menerangkan secara terperinci mengenai keperluan untuk melihat penilaian guru terhadap instrumen nilai murni.

Seterusnya, pengkaji telah menghuraikan keseluruhan berkaitan aspek-aspek pengenalan, pernyataan masalah, persoalan kajian, kepentingan kajian, batasan kajian dan pengkaji telah memperincikan definisi istilah-istilah yang digunakan dalam kajian ini.